



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELANGSUNGAN INDUSTRI KREATIF TERUS DIBERI KEUTAMAAN

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menzahirkan ucapan penghargaan kepada Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, atas pengumuman mengenai kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) Fasa 1 yang akan memberi kelegaan kepada lebih sejuta penggiat sektor industri kreatif.

Pembukaan semula lapan aktiviti industri kreatif ini mulai 9 September 2021 jelas disambut baik oleh para artis, penggiat industri dan pekerja belakang tabir yang amat terkesan akibat pandemik COVID-19.

Pembukaan beberapa sektor hiburan di dalam fasa peralihan dari pandemik ke endemik adalah satu keperluan, kerana bukan sahaja rakyat memerlukan hiburan sihat supaya tidak terus berada dalam kemurungan tetapi juga kerana sektor kreatif ini adalah antara yang teramat terkesan apabila tidak dapat berfungsi langsung semasa PKP dari tahun lalu lagi.

Ini adalah antara sektor ekonomi yang terawal ditutup, namun antara yang terakhir untuk dibuka semula. Namun, dengan pengumuman ini, diharap sektor hiburan ini dapat bernafas semula dan semua pemegang taruh sektor ini dapat menjana semula ekonomi sektor kreatif dalam norma baru.

Meskipun ada perbatasan SOP yang perlu dipatuhi, ianya tidak perlu menjadi kekangan untuk sektor ini berkembang dengan lebih maju dengan cara yang lebih kreatif.

Kelonggaran yang diberikan ini merupakan refleksi sebenar keprihatinan Kerajaan melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN) dalam memastikan kelangsungan dan kelestarian rakyat sejajar dengan norma baharu, lebih-lebih lagi di Lembah Klang yang sudah mencapai lebih 80% populasi dewasa yang sudah mempunyai vaksinasi lengkap.

Pencapaian ini telah membolehkan sektor industri kreatif dibuka dan seterusnya memberi peluang kepada penggiat industri untuk kembali aktif berkarya.

Kerajaan sentiasa komited menyokong pembangunan dan kelangsungan sektor industri kreatif menerusi pelaksanaan beberapa inisiatif penting antaranya ialah Pelan Langkah Segera Ekonomi Industri Kreatif (PELAKSANA), Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia (PRISMA) serta Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang bertujuan untuk memberi suntikan dan nilai tambah susulan pembukaan semula operasi sektor pada Fasa 1 PPN ini.

Sepanjang pandemik, pekerja sektor kreatif yang kebanyakannya bekerja secara kontrak atau *freelance* didapati amat terkesan.

Ini adalah kerana “nature of the job” skil kreatif ini adalah bukan makan gaji dan oleh itu, ramai penggiat industri kreatif menjadi asnaf dan terpaksa membuat apa sahaja yang boleh demi sesuap nasi.

KKMM berharap kelonggaran ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

KKMM juga ingin mengingatkan para penggiat industri kreatif untuk terus mematuhi semua garis panduan dan SOP yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Maklumat lanjut berkaitan SOP di semua Fasa boleh didapati dengan melayari laman web www.kkmm.gov.my.

**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

8 SEPTEMBER 2021